



DART

PERATURAN PERMAINAN

SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA



SBAM | 2023
KEDAH



SADA

PERATURAN PERMAINAN DART BERPASUKAN SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

Perkara 1: Nama

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Dart Berpasukan Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 2: Undang-Undang / Peraturan

Semua pertandingan hendaklah mengikut undang-undang pertandingan Persatuan Dart Malaysia dan peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 3: Penyertaan

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 4: Kategori, Pendaftaran dan Kelayakan Pemain

1. Pertandingan akan dijalankan secara Kumpulan (Beregu Lelaki A, Beregu Lelaki B, Beregu Campuran). Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Setiap pasukan boleh mendaftar 1 pasukan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1 Orang
2.	Jurulatih Pasukan	1 Orang
4.	Pemain Lelaki	5 Orang
5.	Pemain Wanita	1 Orang
6.	Simpanan	2 Orang
Jumlah		10 Orang

2. Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bermain di sepanjang pertandingan ini.

Perkara 5: Acara/Format Pertandingan

1. Pertandingan peringkat kumpulan dimainkan secara 'Best of 3':
 - 501 (best of 3 legs): Bergu Lelaki A.
 - 501 (best of 3 legs): Bergu Lelaki B.
 - 501 (best of 3 legs): Bergu Campuran.
2. Pertandingan peringkat kalah mati dimainkan secara 'Best of 5':
 - 501 (best of 5 legs): Bergu Lelaki A.
 - 501 (best of 5 legs): Bergu Lelaki B.
 - 501 (best of 5 legs): Bergu Campuran.

Perkara 6: Pakaian Pertandnigan

Sila rujuk Perkara 9 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 7: Sistem Pertandingan

1. Sistem penentuan kumpulan akan mengikut Perkara 8 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Bagi kategori berkumpulan permainan akan dijalankan secara liga dalam kumpulan bagi pusingan pertama dan kalah mati bagi pusingan ke-2.
3. Bergu yang namanya tercatat sebagai pemain pertama akan memulakan permainan.
4. Pemain tidak dibenarkan berbincang dari mana-mana pemain lain dalam 'in between throws'.
5. Hanya dart yang melekat di Dartboard diambil kira sebagai score setelah ketiga- tiga dart dibaling.
6. Pemain tidak dibenarkan mencabut dartersnya dari Dart Board sehingga ia bersetuju dengan score yang diperolehi atau sebelum chalker membuat kiraan.
7. Mana-mana salah kira yang dibuat chalker mengenai baki mata, pemain hendaklah memberitahu chalker kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau score tersebut tidak akan dilayan.
- ~~8. Semua perlawanan di peringkat kumpulan hendaklah dipertandingkan.~~
9. Pengambilan minuman keras sebelum dan semasa pertandingan adalah dilarang sama sekali. Mana-mana pasukan yang didapati melanggar peraturan ini akan disingkirkan daripada bertanding.

Perkara 8: Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan

1. Mata kemenangan adalah seperti berikut:
 - Menang: 2 mata.
 - Kalah: 0 mata.
2. Kedudukan liga akan mengikut mata yang terkumpul. Jumlah mata yang tertinggi akan mendahului liga dan mata paling kurang akan menduduki tempat terakhir; dan
3. Jika terdapat dua atau lebih pasukan yang mengumpul jumlah mata yang sama setelah tamat pusingan liga, perbezaan jumlah legs menang semua pertandingan yang terbanyak setelah tamat liga akan menentukan pemenang; atau
4. Kiraan jumlah legs menang semua pertandingan yang paling banyak setelah tamat liga antara pasukan yang terbabit akan digunakan; atau
5. Kiraan jumlah legs kalah semua pertandingan yang paling sedikit setelah tamat liga antara pasukan yang terbabit akan digunakan; atau
6. Keputusan perlawanan peringkat kumpulan di antara pasukan terbabit akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

Perkara 9: Chalker

'Chalker' disediakan oleh Penganjur Kejohanan.

Perkara 10: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir

1. Perkara 11 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.
2. Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan 2 mata dengan keputusan perlawanan 2-0 setiap bergu.

Perkara 11: Bantahan

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 12: Keadaan Luar Jangka

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.